

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## GOTONG ROYONG PERDANA KERAMAT WANGSA



YB Dato' Zulhasnan Rafique memeriksa perangkap jentik-jentik di rumah penduduk setempat- *Gambar Berita Bandaraya*

**S**ebagai langkah menangani kes-kes denggi yang masih lagi berleluasa di kawasan sekitar Kuala Lumpur, satu gotong-royong telah diadakan di Keramat Wangsa anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Bersatuan PTKS Bekas Perajurit Malaysia pada 23 Jun 2006.

Gotong-royong yang bertempat di Meranti Mawar Sari, Kuala Lumpur telah bermula seawal 8.30 pagi lagi. Bukan sahaja penduduk setempat yang turun bergotong-royong pada pagi itu, malah ia juga turut melibatkan kakitangan-kakitangan awam termasuklah kakitangan DBKL sendiri bersama ahli-ahli Non Government Organization (NGO). Semua ini dilakukan agar warga kota terhindar daripada demam denggi dengan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.

Turut hadir di majlis itu, YB Dato' Zulhasnan Rafique,

Menteri Wilayah Persekutuan yang bersama-sama bergotong-royong dengan masyarakat setempat. Beliau juga telah dibawa melawat ke beberapa rumah di kawasan terbabit bagi membuat pemeriksaan untuk memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pada majlis tersebut, DBKL melalui Jabatan Kesihatan telah mengambil peluang mengadakan pameran mengenai nyamuk aedes. Pameran ini diadakan bagi mendedahkan penduduk setempat dengan pengetahuan tentang bagaimana aedes membiak dan seterusnya bagaimana untuk menangani masalah pembiakannya. DBKL juga turut mengadakan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada orang ramai yang hadir di majlis tersebut. Melalui pemeriksaan kesihatan secara percuma orang ramai dapat mengetahui tahap kesihatan mereka seterusnya mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga kesihatan.

## DARI MEJA DATUK BANDAR



Sepanjang bulan Julai ini pelbagai aktiviti kebudayaan telah direncanakan serta dijalankan untuk mengenengahkan kebudayaan, kesenian dan keindahan warisan pelbagai kaum di negara ini untuk tatapan pelancong tempatan dan juga antarabangsa. Ini selari dengan usaha pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang bertujuan memartabatkan seni dan budaya bangsa Malaysia.

Salah satu aktiviti kebudayaan yang diadakan pada bulan Julai ini ialah Festival Kuala Lumpur yang bertemakan "Di sini semaraknya seni" di mana ianya diharapkan menjadi satu daripada program tetap dalam kalendar acara kebudayaan tahunan antarabangsa. Acara sedemikian juga diadakan bagi menyemai perasaan kasih dan cinta rakyat Malaysia khususnya kepada warga kota kepada seni dan warisan bangsa.

Penekanan diberikan dalam pelbagai aspek seni warisan dan kebudayaan di dalam festival ini. Antara aktiviti yang cuba diperkenalkan semula kepada golongan generasi baru ialah seni persembahan, seni tampak, permainan tradisi, makanan tradisi pelbagai kaum di Malaysia, seni warisan seperti seni pembuatan peralatan muzik, kraftangan dan tekstil. Aspek bahasa dan persuratan juga turut ditekankan melalui pameran dan seminar manuskrip Melayu.

Selain festival ini, program Citrawarna turut diadakan di mana ianya telah menjadi satu program tahunan di Malaysia. Citrawarna pada kali ini bukan sahaja

mempertontonkan persembahan dan aktiviti kebudayaan malah ia turut menjadikan kraftangan, fesyen, muzik dan makanan sebagai salah satu elemen dalam program ini. Semua ini dilakukan bagi menghimpunkan pelbagai seni kebudayaan serta warisan di bawah satu program bagi menaikkan nama Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan pelbagai ciri-ciri kebudayaan.

Di samping dua program utama ini, Kuala Lumpur juga turut menjadi hos kepada LAMAN 2006 yang merupakan festival taman yang utama di Malaysia. Pada kali ini ia mempamerkan 80 seni gubahan taman yang memperlihatkan pelbagai unsur landskap Malaysia dan ciri landskap antarabangsa. Peserta yang mengambil bahagian juga bukan hanya terdiri daripada rakyat tempatan tetapi juga dari luar negara.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sendiri turut mengambil bahagian di dalam program ini di mana DBKL meraih tempat ketiga di dalam kategori Anugerah Kualiti Laman (Laman Quality Award) dengan bertemakan perkahwinan taman. Melalui program-program seperti ini, secara tidak langsung kita berupaya mengenengahkan Malaysia khususnya Kuala Lumpur sebagai satu pusat pertembungan budaya daripada pelbagai negeri dalam usaha menarik kedatangan pelancong asing.

*Sayangi Kuala Lumpur*

### Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

### Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan  
Ketua Editor: Tuan Hj Salleh Bin Yusup  
Editor: Anwar Bin Mohd Zain  
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali  
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

## BAZARIA LARUT MALAM

Sejak kebelakangan ini makin ramai warga kota yang memilih untuk membeli-belah di bazaria dinihari atau dikenali juga bazaria larut malam. Ia yang mendapat jolokan 'KL Down Town Night Market' merupakan aktiviti menjadi aliran terkini kepada warga kota khususnya kepada para belia.

Di Kuala Lumpur kini terdapat 2 tapak Bazaria Larut Malam iaitu di Velodrome, Bandar Tun Razak dan juga di Danau Kota, Setapak. Beroperasi di atas tapak letak kereta, bazar terbabit menjual barangan seperti jualan makanan kering, alat ganti dan perhiasan kereta, pakaian serta barangan aksesori wanita dan lelaki, buku/komik dan pelbagai jenis produk yang lain. Bazar yang beroperasi seawal 10.00 malam ini memberi peluang kepada warga kota untuk mencari seterusnya membeli barangan yang sukar diperolehi kerana ada di antara barangan jualan adalah berbentuk barangan koleksi.

Bazaria Larut Malam Velodrom di Bandar Tun Razak telah mula beroperasi secara rasmi oleh Persatuan PENGASIH Malaysia dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 21 April 2006 di mana ianya telah disertai oleh seramai lebih kurang 378 gerai. Bazar yang telah dirasmikan pada 24 Jun 2006 oleh YB Dato' Zulhasnan Rafique ini mempunyai pelbagai ciri istimewa berbanding dengan bazar yang lain. Antara salah satu ciri-ciri istimewa bazar ini ialah ia menyediakan pentas di mana aktiviti hiburan dan persembahan karaoke boleh diadakan pada setiap malam. Selain itu juga, para pengunjung boleh menjamu selera di Pusat Penjaja Velodrom yang menyediakan pelbagai juadah masakan Melayu dan Barat yang terletak berhampiran dengan

bazar tersebut.

Bazaria Larut Malam Danau Kota yang dianjurkan oleh Persatuan Penjaja Melayu Kawangan Jalan Genting Kelang, Setapak dengan kerjasama DBKL juga diwujudkan dengan obyek yang sama iaitu menyediakan pilihan membeli belah kepada warga kota. Bazaria yang telah beroperasi pada 17 Februari 2006 ini disertai oleh sebanyak 383 gerai yang menawarkan pelbagai jenis barangan. Keunikan kedua-dua bazar yang beroperasi dari pukul 10.00 malam sehingga dinihari setiap hari ini mengundang para pelancong untuk singgah ke bazar tersebut. Seajar dengan ini, DBKL dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur (MPTKL) telah menjadikan bazaria ini sebagai salah satu destinasi pelancongan dalam program 'Familiarization Trip atau FAM TRIP' di mana program ini akan melibatkan sebanyak 20 agensi pelancongan di sekitar Kuala Lumpur.

BIL	TEMPAT	MASA
1	Bazaria Larut Malam Velodrom, Bandar Tun Razak	10.00 malam – 3.00 pagi - Setiap hari
2	Bazaria Larut Malam Danau Kota, Setapak	10.00 malam – 4.00 pagi - Setiap hari kecuali hari Khamis

### Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam  
(8 pagi - 5 petang) – 03-2617 9925

Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)  
– 1800 882 600

Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)  
– 03-4022 0033 / 4024 4424

Skuad Penyelamat (24 jam) – 03-4023 1033 / 4023 1133

Unit Kecemasan (24 jam) – 03-9284 3636 / 3434 / 3433

### Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800



Para pembeli melihat barangan yang ditawarkan di Bazaria Larut Malam Velodrom, Bandar Tun Razak - Gambar Berita Bandaraya